



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

100,000 SUKARELAWAN SERTAI SKUAD WAJA

Putrajaya, 17 Oktober – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini **melancarkan Skwad Waja (Wanita Anti Jenayah)**. Skwad Waja adalah sukarelawan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang berperanan sebagai **ejen serta mata dan telinga Kerajaan dalam masyarakat terutamanya bagi golongan yang sering menjadi mangsa keganasan**. Penubuhan Skwad Waja diumumkan oleh mantan Perdana Menteri pada 8 Mac 2021 semasa ucapan Sambutan Hari Wanita 2021 yang diadakan secara maya. Ianya bertujuan untuk **memperkasa komuniti melalui psikososial dan aktiviti bimbingan** bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah. KPWKM meletakkan sasaran 100,000 sukarelawan menyertai Skwad Waja pada tahun ini dalam usaha membendung isu keganasan terhadap wanita.

YB Datuk Seri Rina menegaskan bahawa peranan Skwad Waja dalam komuniti terutamanya dalam tempoh pandemik ini adalah **sangat bermakna dan banyak membantu komuniti**. **Penubuhan Skwad Waja akan menjadi tunjang kekuatan baharu KPWKM** dalam menjayakan agenda pemerkasaan Keluarga Malaysia seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri menerusi Fokus Keenam Rancangan Malaysia Ke-12. Pelancaran Skwad Waja membuktikan bahawa usahasama Kerajaan dengan komuniti dalam menangani isu keganasan terhadap wanita adalah tanggungjawab bersama. Ia juga merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi seluruh ahli masyarakat. Justeru, semua inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh

KPWKM melalui program Skwad Waja ini perlu diaktifkan lagi dan disebarluaskan untuk membantu mangsa keganasan.

Hasil daripada pelaksanaan Skwad Waja ini sehingga 12 Oktober 2021, sebanyak **775 kes telah berjaya dibimbing dan dibantu** oleh ahli Skwad Waja. Bagi program **Skwad Waja Turun Padang** pula, **sebanyak 262 telah dilaksanakan melibatkan 3,537 individu yang disantuni**. Setiap ahli Skwad Waja yang mendaftar diberikan panduan melalui Modul Skwad Waja yang telah dibangunkan oleh JPW dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM) untuk memberi bantuan dan bimbingan awal kepada mangsa.

Sehingga kini, **seramai 20,406 (sehingga 15 Oktober 2021)** Skwad Waja telah berjaya dilatih di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bermula dari Januari 2021. Ahli Skwad Waja bukan sahaja terdiri daripada wanita, malah kaum lelaki juga turut digalakkan penyertaannya. Daripada **20,406 ahli Skwad Waja, seramai 19,544 adalah wanita dan 862 adalah lelaki**. Penglibatan kaum lelaki sebagai Skwad Waja amatlah digalakkan kerana ia memberi gambaran bahawa isu menangani keganasan terhadap wanita adalah isu bersama. Keahlian terbuka kepada warga Malaysia berumur 18 tahun ke atas.

Pihak KPWKM menyeru agar lebih banyak warga Malaysia mendaftar sebagai Sukarelawan Skwad WAJA, untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di negeri masing-masing atau mendaftar di pautan <https://www.rebrand.ly/pendaftaranskwadWAJA> atau <https://www.jpw.gov.my/>

###

Disediakan oleh	:	Unit Komunikasi Korporat Jabatan Pembangunan Wanita No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA
No. Telefon	:	03-8323 1884
Tarikh dikeluarkan	:	17 Oktober 2021